

Tarikh Dibaca: 02 MAC 2018M / 14 JAMADILAKHIR 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“NIKMAT ISLAM”

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Timbalan Pengarah (Operasi),
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"NIKMAT ISLAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ، بِالْهُدَى وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ، عَلَى الَّدِينِ كُلِّهِ، وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

1



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ
وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Hadirin Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dikurniakan oleh Allah SWT dalam kehidupan kita ini dengan keberkatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Nikmat Islam**".

¹ At-Taubah : 33



Hadirin Yang Berbahagia Sekalian,

Kita bersyukur terhadap Allah SWT atas nikmat kurniaan Iman dan Islam. Islam datang membuka pintu kebahagiaan di dunia dan akhirat. Islam mengeluarkan manusia daripada kegelapan kufur kepada cahaya Iman sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 257 :

صَلَّى اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ
وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الظَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ
إِلَى الظُّلْمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ



"Allah pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut Yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya".

Muslimin Yang Berbahagia sekalian,

Allah SWT telah mengurniakan kepada umat Islam pelbagai keistimewaan penting yang menjadi punca kemuliaan, kemenangan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Antaranya :

Pertama : Keistimewaan yang terletak kepada ajaran Islam itu sendiri. ia merupakan nikmat yang tidak boleh dibandingkan dengan segala nikmat yang lain. Islam adalah agama yang terdiri daripada Aqidah, Syariah dan Akhlak. Ajaran Islam adalah nikmat yang kekal selamanya



berbanding dengan nikmat-nikmat lain yang akan luput dan berakhir. Ini terbukti Islam adalah agama yang diterima oleh Allah berbanding dengan Agama-agama yang lain.

Firman Allah swt dalam surah Ali-Imran ayat 19 :

إِنَّ الْدِينَ كَعِنْدَ اللَّهِ أَلَا إِسْلَامُ

" Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam".

Kejayaan Baginda Nabi SAW menyebarkan agama Islam kepada semua masyarakat arab daripada tidak bertamadun kepada kemajuan. Daripada buta huruf kepada berilmu dan daripada bermusuhan kepada perpaduan hingga mampu menguasai sebahagian besar dunia. Namun pada hari ini terdapat umat Islam mula melupai dan meninggalkan ajaran Islam yang sebenar. Ada yang terpengaruh dengan aliran pemikiran fahaman Liberal yang ingin bebas daripada ajaran agama Islam, ada juga yang terpengaruh dengan fahaman Plural yang menganggap semua agama adalah sama sahaja dan sebagainya ke dalam kehidupan mereka, kononnya untuk mengejar kemajuan dunia, sedangkan dunia yang dikehjarnya tidak dapat dicapai, akhirat tergadai begitu sahaja.

Firman Allah swt dalam surah Ali-Imran ayat 85 :

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ

مِنَ الْخَسِيرِينَ





"Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi".

Hadirin Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Keistimewaan yang kedua : Umat Islam adalah umat yang satu wujudnya kesatuan Umat Islam yang di ikat dengan hubungan aqidah dan ukhuwah islamiyah. Ikatan ini merentas sempadan geografi, bangsa, warna kulit serta keturunan yang menjangkau hampir 1/3 penduduk dunia..

Firman Allah SWT dalam surah Al-Anbia ayat 92 :



إِنَّ هَذِهِ أُمَّةٌ مُّتَكَبِّرُونَ وَحْدَةٌ وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ

"Sesungguhnya ugama Islam Inilah ugama kamu, ugama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah daku".

Ayat ini menjelaskan keimanan kepada Allah menjadi ikatan persaudaraan yang kukuh dalam kalangan umat islam hingga hari ini. Ukhuwah Islamiyah inilah yang telah menyatukan golongan muhajirin dan ansar serta mendamaikan qabilah arab yang dulunya berperang dan bermusuhan antara satu sama lain.

Islam berjaya mengikis sifat jahiliyah yang saling bermusuhan kepada hidup dalam suasana bersatu dan harmoni. Ikatan persaudaraan yang diajar oleh Rasulullah SAW ini telah membawa kekuatan umat yang memberi kemuliaan kepada Islam.

Namun kini oleh kerana hanyut dengan keduniaan, mengejar pangkat, harta benda, dan kedudukan kerana menurut kepentingan diri dan hawa nafsu, ikatan ukhwah ini telah mula dilupakan. Natijahnya umat Islam



hilang kekuatan dan semakin lemah serta lebih malang lagi dipermainkan oleh musuh dengan mudah.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Keistimewaan ketiga: Negara-negara umat Islam dilimpahi dengan nikmat sumber alam dan hasil bumi yang kaya seperti minyak, gas serta sumber-sumber galian lain yang tidak terhitung banyaknya.

Segala nikmat yang diberikan oleh Allah merupakan wasilah kepada umat islam untuk terus mengabdikan diri kepada Allah sebagai hamba dan menguruskannya dengan penuh amanah sebagai Khalifah di muka bumi ini. Umat islam yang menggunakan nikmat Allah dengan baik seiring dengan perintahNya akan diberikan pahala yang besar di sisi Allah, sebaliknya bagi manusia yang menggunakan nikmat Allah untuk kepentingan diri semata-mata sehingga melanggar perintah Allah, tergolong dalam golongan yang kufur serta dijanjikan azab yang pedih oleh Allah SWT.

Amaran ini disebut oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadith daripada Amru bin Auf R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :

فَوَاللَّهِ مَا الْفَقْرَ أَخْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكِنِّي
أَخْشَى أَنْ تُبْسَطَ عَلَيْكُمُ الدُّنْيَا كَمَا بُسِطَتْ عَلَى
مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، فَتَنَافَسُوهَا كَمَا تَنَافَسُوهَا،
وَتُرْلِكُكُمْ كَمَا أَهْلَكَتْهُمْ

"Demi Allah, aku tidak bimbang kamu menjadi fakir, tetapi aku bimbang dibentangkan kepada kamu kemewahan dunia sebagaimana



dibentangkan kepada umat-umat terdahulu daripada kamu, lalu kamu berkelahi sebagaimana mereka berkelahi, maka dunia membinasakan kamu sebagaimana pernah membinasakan umat-umat terdahulu”

(Riwayat Al-Bukhari)

Hadith ini menggambarkan kebimbangan Rasulullah SAW terhadap umatnya yang akan dibinasakan sekiranya hanyut dalam nikmat dunia yang telah dikurniakan oleh Allah SWT.

Hadirin Yang Berbahagia,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib menyeru kepada seluruh umat islam supaya :

1. Umat Islam mestilah berpegang teguh dengan ajaran Islam yang meliputi Aqidah, Syariah dan Akhlak.
2. Umat Islam hendaklah mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.
3. Umat islam hendaklah menggunakan serta menguruskan nikmat Allah dengan baik bagi membantu dan menyebarkan agama Allah seterusnya memperkuuhkan perpaduan dan ukhuwah Islamiyah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَآذُكُرُوا نِعْمَتَ
اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ
إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيَّتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَتَّدُونَ



" Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu Dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.

(Ali-Imran : 103)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتٍ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Hafizul / Syida
20.02.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْتِيهَا الَّذِينَ أَمَنُوا
صَلَّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

